

Tun M tersenarai 'pasukan Brazil' versi Khairy Jamaluddin

Astro Awani

24 Jun 2014

Oleh [Syafique Shuib](#)

KUALA LUMPUR:Gambar 'pasukan' Brazil yang dimuat naik oleh Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin di laman Facebook beliau kian mendapat perhatian.

Merupakan satu gurauan setelah pasukan Brazil layak ke peringkat seterusnya dalam Piala Dunia, gambar berkenaan turut disertakan dengan mesej, "Ini sebab Brazil kembali menang semalam. Nombor 11 score dua bijik (up sendiri). Nombor 4*man of the match*(up boss). Yang pakai songkok kad merah."

Gambar itu menampilkan pasukan Brazil yang terdiri dari Khairy dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat Rafizi Ramli.

Ia turut menampilkan dua pemain negara iaitu penjaga gol negara, Khairul Fahmi Che Mat dan Pemain Johor Darul Takzim FC Safiq Rahim.

Raja Bomoh Ibrahim Mat Zain dan pelakon Mr. Bean Rowan Atkinson turut dimuatkan dalam gambar berkenaan.

Ramai memuji sikap 'sempoi' Khairy yang memuat naik gambar berkenaan.

"Lawak paling kelakar sejak bermulanya Piala Dunia," tulis Andrew Kish.

Namun ada juga yang kurang senang dengan tindakan Khairy.

"Tidak wajar. Sebagai menteri dalam kerajaan, kenalah mempromosikan budaya menghormati pemimpin negara," tulis Mohd Yunus Sharum.

Penampilan Tun Mahathir mendapat reaksi positif.

"Tun M Nampak gagah," tulis Siti Ct.

Tambah Pami Nasir, "Dr Mahathir ada yang paling 'best'."

Ada yang bertanya tentang kelibat seorang lagi mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi sambut menulis mungkin beliau menjadi jurulatih pasukan, kata Rahim Alie.

Setakat ini, gambar berkenaan menerima 18745 'Likes', 2909 'Shares' dan 2266 komen.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/tun-m-tersenarai-pasukan-brazil-versi-khairy-jamaluddin-38317>